

06/03/2001

Tuntutan saman media perlu sederhana

BUKIT KAYU HITAM, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tindakan menyaman media yang semakin kerap sejak akhir-akhir ini, mempunyai kesan negatif dan positif.

Perdana Menteri berkata tindakan menyaman akhbar kadang kala perlu kerana ada media yang membuat laporan tidak berasas sehingga menjejaskan seseorang.

Bagaimanapun, katanya, tuntutan yang terlalu tinggi memang tidak sesuai, tetapi pada masa yang sama jika terlalu rendah, pihak media pula mampu membayar saman secara mudah.

Berikutan itu, beliau berpendapat saman ganti rugi seharusnya tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah.

Dr Mahathir juga berkata, beliau sendiri sering menjadi mangsa fitnah yang dilemparkan menerusi media.

"Ada sihat dan tidak sihat (aliran menyaman akhbar). Kadang-kadang akhbar keluarkan laporan yang tidak ada asas.

"Kadang-kadang kena denda (tuntutan ganti rugi) terlalu rendah. Jika kita ambil tindakan mahkamah dan dendanya hanya RM20 atau RM30, rugilah kita.

"Denda patut setimpal ... terlalu tinggi sangat pun tak boleh juga," katanya mengulas mengenai kekerapan saman tuntutan ganti rugi yang dikemukakan terhadap media sejak akhir-akhir ini.

Kes saman terbaru membabitkan media ialah perintah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap TV3 supaya membayar RM100 juta kepada pengarah urusan sebuah agensi pekerjaan kerana gagal mengemukakan pembelaan dalam saman malu terhadap stesen televisyen itu.

Mengenai tindakan terhadap golongan yang cuba mengguling kerajaan menerusi demonstrasi, Perdana Menteri berkata, tindakan hanya akan diambil jika kerajaan mempunyai bukti kukuh.

(END)